

**PERMODELAN FAKTOR-FAKTOR  
PENCAPAIAN SAINS TIMSS  
MALAYSIA 2011**

**oleh**

**MOHD ERFY BIN ISMAIL**

**Disertasi yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Pendidikan**

**September 2015**

# PERMODELAN FAKTOR-FAKTOR PENCAPAIAN SAINS TIMSS

MALAYSIA 2011

## ABSTRAK

Secara umumnya, TIMSS adalah suatu penilaian berskala besar dan projek penyelidikan yang dibentuk untuk mengukur tahap pencapaian pelajar gred ke-4 dan gred ke-8 dalam pendidikan matematik dan sains di peringkat antarabangsa. Kajian TIMSS dianjurkan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA) serta dilaksanakan empat tahun sekali iaitu bermula pada tahun 1995, seterusnya pada tahun 1999, 2003, 2007 dan kini pada tahun 2011. Secara keseluruhannya pencapaian sains dalam TIMSS Malaysia adalah membimbangkan. Skor Malaysia berada di bawah skor purata TIMSS bermula TIMSS 2003. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji sejauh mana konteks rumah, konteks bilik darjah dan konteks sekolah mempengaruhi pencapaian sains pelajar dalam TIMSS 2011 berdasarkan perbezaan kumpulan jantina. Kajian ini melibatkan seramai 5733 responden daripada 180 buah sekolah menengah di Malaysia berdasarkan data TIMSS 2011. Persampelan rawak menggunakan teknik persampelan kluster berstrata dua peringkat dilakukan dalam memilih sampel kajian. Kajian ini turut mencadangkan sebuah model yang mengandungi dua konstruk eksogenus iaitu penglibatan ibu bapa dan disiplin iklim sekolah serta dua konstruk endogenus iaitu sikap terhadap sains dan pencapaian sains. Kajian ini menggunakan teknik permodelan persamaan struktural (SEM) bagi menguji model yang dihipotesiskan dan menentukan kekuatan hubungan antara satu variabel dengan variabel yang lain. Dapatan kajian ini menunjukkan penglibatan ibu bapa mempunyai kesan langsung ke atas sikap

terhadap sains dan pencapaian sains pelajar manakala sikap terhadap sains mempunyai hubungan negatif terhadap pencapaian sains pelajar. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan dalam analisis berbilang kumpulan antara pelajar lelaki dan perempuan.

# **MODELLING OF SCIENCE ACHIEVEMENT FACTORS IN TIMSS**

## **MALAYSIA 2011**

### **ABSTRACT**

Generally, TIMSS is a large-scale evaluation and research projects designed to measure the level of 4th grade and 8th grade student achievement in mathematics and science education at the international stage. TIMSS study conducted by the International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA) and is held every four years beginning in 1995, then in 1999, 2003, 2007 and latest in 2011. The overall science achievement in TIMSS Malaysia is alarming. Malaysia scores were below the average TIMSS score starting from TIMSS 2003. Thus, this study aims to examine the extent to which home context, classroom context and school context influence students' science achievement in TIMSS 2011 based on the difference of the gender groups. This study involved a total of 5733 respondents from 180 secondary schools in Malaysia based on TIMSS 2011 data. Random sampling using two stage stratified cluster sampling technique was done in selecting the sample. This study also proposes a model containing two exogenous constructs which are parental involvement and school climate discipline as well as two endogenous constructs which are attitudes towards science and science achievement. This study used structural equation modeling (SEM) technique to test the hypothesized model and determine the strength of the relationship between one variable with another variable. The findings showed that parental involvement has a direct effect on students' attitudes toward science and students' science achievement while the student attitudes towards science have a negative relationship towards

students' science achievement. In addition, this study showed no difference in the multi-group analysis between male and female students.

## KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xii
<b>ABSTRAK</b>	xiii
<b>ABSTRACT</b>	xv
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.0      Pendahuluan	1
1.1      Latar Belakang Kajian	3
1.1.1   Kedudukan Malaysia menerusi keputusan TIMSS	3
1.2      Pernyataan Masalah	6
1.3      Objektif Kajian	10
1.4      Persoalan Kajian	11
1.5      Model yang Dihipotesiskan	11
1.6      Rasional Kajian	14
1.7      Kepentingan Kajian	16
1.8      Batasan Kajian	17
1.9      Definisi Istilah	19
1.9.1   TIMSS 2011	19
1.9.2   Pelibatan Ibu Bapa	20
1.9.3   Disiplin Iklim Sekolah	20
1.9.4   Sikap Terhadap Sains	20

1.9.5	Pencapaian Sains	21
1.10	Rumusan	21

## **BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR**

2.0	Pendahuluan	22
2.1	TIMSS ( <i>Trends in International Mathematics and Science Study</i> )	22
2.2	Dapatan kajian-kajian lepas berkaitan TIMSS	28
2.3	Variabel Kajian	34
	2.3.1 Penglibatan ibu bapa	34
	2.3.2 Disiplin sekolah	38
	2.3.3 Sikap terhadap sains	40
	2.3.4 Isu perbezaan jantina dalam pencapaian sains	43
2.4	Kerangka Teori	47
2.5	Teori Ekologi Pembangunan Manusia	49
2.6	Teori Pembelajaran Sosial	57
2.7	Teori Skema Jantina	62
2.8	Kerangka Konsep	64
2.9	Rumusan	67

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pendahuluan	69
3.1	Rekabentuk Kajian	69
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	70
3.3	Instrumen	71
	3.3.1 Ujian pencapaian sains TIMSS 2011	71
	3.3.2 Borang soal selidik pelajar	74
3.4	Prosedur Analisis Data	74

3.4.1	Proses saringan data	75
3.4.2	Analisis faktor pengesahan (CFA)	76
3.4.3	Pemodelan persamaan struktural (SEM)	78
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	80
3.5.1	Kesahan	80
3.5.2	Kebolehpercayaan	81
3.6	Rumusan	82
 <b>BAB 4 : KEPUTUSAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA</b>		
4.0	Pendahuluan	83
4.1	Ciri-ciri Sampel Kajian	83
4.2	Penilaian Statistik Kenormalan	84
4.3	Keputusan Analisis Model Pengukuran	84
4.4	Keputusan Analisis Model Struktural	91
4.5	Analisis Hipotesis Berdasarkan Analisis Permodelan Persamaan Struktural	97
4.6	Penilaian Model Langsung dan Model Tidak Langsung	99
4.7	Dapatan Analisis Model Pengukuran Kumpulan Bukan Varian dan Kumpulan Varian	106
4.8	Dapatan Analisis Model Laluan Struktural Kumpulan Bukan Varian dan Kumpulan Varian	113
4.9	Rumusan	123



## **BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0	Pendahuluan	124
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	124
5.2	Faktor-faktor Penyumbang Pencapaian Sains TIMSS 2011	126
5.3	Implikasi Kajian	136
5.3.1	Implikasi kepada ibu bapa dan pentadbir sekolah	136
5.3.2	Implikasi kepada guru	139
5.3.3	Implikasi kepada penggubal polisi	141
5.3.4	Implikasi kepada teori dan penggunaan SEM	144
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	145
5.5	Rumusan	147
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	148
	<b>LAMPIRAN</b>	173

## SENARAI JADUAL

		<b>HALAMAN</b>
Jadual 1.0	Kedudukan dan skor sains TIMSS Malaysia pada tahun 1999, 2003, 2007 dan 2011	3
Jadual 3.0	Bilangan item ujian sains (domain kandungan) dalam TIMSS 2011	73
Jadual 3.1	Bilangan item ujian sains (domain kognitif) dalam TIMSS 2011	74
Jadual 3.2	Cadangan indeks padanan bagi penilaian model hipotesis	79
Jadual 3.3	Nilai-nilai faktor <i>internal consistency</i>	81
Jadual 4.0	Penilaian data normaliti	84
Jadual 4.1	Ringkasan parameter untuk model pengukuran	85
Jadual 4.2	Statistik keserasian bagi <i>goodness</i> khi kuasa dua, Indeks kesepadanan perbandingan <i>baseline</i> and RMSEA (model pengukuran)	86
Jadual 4.3	Pemberat regresi untuk model pengukuran	87
Jadual 4.4	Korelasi berganda kuasa dua untuk model pengukuran	89
Jadual 4.5	Pemberat regresi piawai untuk model pengukuran	90
Jadual 4.6	Ringkasan parameter untuk model struktural	91
Jadual 4.7	Statistik keserasian bagi <i>goodness</i> khi kuasa dua, indeks kesepadanan perbandingan <i>baseline</i> and RMSEA (model struktural)	93
Jadual 4.8	Pemberat regresi bukan piawai untuk model struktural	95
Jadual 4.9	Pemberat regresi piawai untuk model struktural	95
Jadual 4.10	Ujian nisbah kritikal, kovarian dan korelasi antara pembolehubah pendam (model struktural)	96
Jadual 4.11	Korelasi berganda kuasa dua untuk model struktural	97
Jadual 4.12	Keputusan analisis permodelan persamaan struktural	99

Jadual 4.13	Keputusan pengujian hipotesis	99
Jadual 4.14	Matrik untuk jumlah kesan, kesan langsung dan kesan tidak langsung	101
Jadual 4.15	Statistik keserasian bagi <i>goodness</i> khi kuasa dua, indeks kesepadanan perbandingan <i>baseline</i> and RMSEA untuk model secara langsung dan tidak langsung	102
Jadual 4.16	Perbandingan model bersarang dan AIC (model langsung dan tidak langsung)	103
Jadual 4.17	Pemberat regresi (model secara langsung)	104
Jadual 4.18	Pemberat regresi piawai (model secara langsung)	105
Jadual 4.19	Korelasi berganda kuasa dua (model secara langsung)	106
Jadual 4.20	Darjah kebebasan dan khi-kuasa dua untuk model pengukuran bukan varian	107
Jadual 4.21	Darjah kebebasan dan khi-kuasa dua untuk model pengukuran varian	107
Jadual 4.22	Statistik keserasian bagi <i>goodness</i> khi kuasa dua, indeks kesepadanan perbandingan <i>baseline</i> dan RMSEA (kumpulan bukan varian dan kumpulan varian)	108
Jadual 4.23	Perbandingan model bersarang dan AIC (kumpulan bukan varian dan kumpulan varian)	109
Jadual 4.24	Berat regresi kumpulan bukan varian (lelaki)	110
Jadual 4.25	Berat regresi kumpulan bukan varian (perempuan)	110
Jadual 4.26	Berat regresi piawai kumpulan bukan varian (lelaki)	111
Jadual 4.27	Berat regresi piawai kumpulan bukan varian (perempuan)	111
Jadual 4.28	Korelasi berganda kuasa dua kumpulan bukan varian (lelaki)	112
Jadual 4.29	Korelasi berganda kuasa dua kumpulan bukan varian (perempuan)	112
Jadual 4.30	Keputusan ujian nisbah kritikal berpasangan ( <i>pairwise</i> )	113
Jadual 4.31	Darjah kebebasan dan khi-kuasa dua untuk model laluan struktural bukan varian	114
Jadual 4.32	Darjah kebebasan dan khi-kuasa dua untuk model laluan	115

	struktural varian	
Jadual 4.33	Statistik keserasian bagi <i>goodness</i> khi kuasa dua, indeks kesepadanan perbandingan <i>baseline</i> dan RMSEA (kumpulan bukan varian dan kumpulan varian)	115
Jadual 4.34	Statistik perbandingan model tersarang (model bukan varian dan varian)	117
Jadual 4.35	Kriteria maklumat Akaike	117
Jadual 4.36	Berat regresi tidak seragam model laluan struktural bukan varian (lelaki)	119
Jadual 4.37	Berat regresi tidak seragam model laluan struktural bukan varian (perempuan)	119
Jadual 4.38	Berat regresi seragam model laluan struktural bukan varian (lelaki)	120
Jadual 4.39	Berat regresi seragam model laluan struktural bukan varian (perempuan)	121
Jadual 4.40	Korelasi berganda kuasa dua model varian (lelaki)	122
Jadual 4.41	Korelasi berganda kuasa dua model varian (perempuan)	122
Jadual 4.42	Keputusan ujian nisbah kritikal berpasangan ( <i>pairwise</i> ) model laluan struktural varian	123

## SENARAI RAJAH

		<b>HALAMAN</b>
Rajah 1.0	Pencapaian Malaysia dalam TIMSS	5
Rajah 1.1	Model yang Dihipotesiskan	12
Rajah 2.0	Model Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner, 1979)	50
Rajah 2.1	Konsep determinisme timbal balik dalam teori pembelajaran sosial	61
Rajah 2.2	Tindakan Teori Skema Jantina	63
Rajah 2.3	Kerangka konsep hubungan antara konteks disiplin sekolah, penglibatan ibu bapa, sikap terhadap sains dan pencapaian sains	65
Rajah 4.0	Model pengukuran	88
Rajah 4.1	Model struktural	92
Rajah 4.2	Laluan menggambarkan hipotesis (H1 hingga H6)	98
Rajah 4.3	Model perhubungan secara langsung dan tidak langsung	100

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **BILANGAN LAMPIRAN**

- Lampiran A Borang Soal Selidik Latar Belakang Pelajar
- Lampiran B Contoh Ujian Pencapaian Sains TIMSS 2011
- Lampiran C Ujian Pencapaian Sains TIMSS 2015

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti sumber manusia supaya mempunyai daya saing yang tinggi dan mampu menghadapi cabaran di peringkat global (Sidin, Long, Abdullah, & Mohamed, 2001). Justeru itu, penilaian dilakukan terhadap segala aspek yang berhubung kait dengan kualiti pendidikan untuk kepentingan nasional. Antaranya ialah penilaian yang dilakukan untuk melihat pencapaian pelajar terutamanya di peringkat antarabangsa (Preuschoff, 2011). Oleh itu, Malaysia secara konsisten menyertai penanda aras antarabangsa yang menilai mutu dan pencapaian pelajar dalam sains dan matematik iaitu *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) (Martin & Mullis, 2006).

TIMSS adalah suatu penilaian berskala besar dan projek penyelidikan yang dibentuk untuk mengukur tahap pencapaian pelajar gred ke-4 dan gred ke-8 dalam pendidikan matematik dan sains di peringkat antarabangsa. Penilaian ini melibatkan penyertaan lebih daripada 60 buah negara di seluruh dunia (Preuschoff, 2011). TIMSS dianjurkan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA) yang berpusat di Amsterdam, Belanda dan diuruskan oleh *International Study Centre, Lynch School of Education, Boston College* di Amerika Syarikat (Mullis, Martin, Ruddock, O'Sullivan, & Preuschoff, 2009). Kajian ini dilaksanakan empat tahun sekali iaitu bermula pada tahun 1995, seterusnya pada tahun 1999, 2003, 2007 dan kini pada tahun 2011.

TIMSS direka bentuk untuk menyelaraskan kurikulum matematik dan sains serta sistem pendidikan secara meluas di negara-negara yang mengambil bahagian (Mullis, Martin, Minnich, et al., 2012). Selain itu, pencapaian TIMSS sesebuah negara dapat memperlihatkan keupayaan pelajar dalam pengetahuan matematik, sains dan kemahiran mengikut konteks kehidupan sebenar yang diajar di sekolah (Martin, Mullis, Foy, & Stanco, 2012; Mullis, Martin, Foy, & Arora, 2012). TIMSS juga mempunyai maklumat latar belakang pelajar, guru, sekolah, kurikulum dan dasar pendidikan rasmi untuk membolehkan perbandingan dibuat merentasi negara terhadap konteks pendidikan yang berkaitan dengan pencapaian pelajar (Roth, Druker, & Garnier, 2006). Pada tahun 2011, terdapat 54 buah negara mengambil bahagian dalam TIMSS di peringkat gred keempat atau gred kelapan atau kedua-duanya (Preuschoff, 2011).

Matlamat keseluruhan TIMSS adalah untuk menyumbang kepada peningkatan pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains dalam sistem pendidikan di seluruh dunia (Mullis, Martin, Minnich, et al., 2012). Tujuannya supaya pembuat dasar, penyelidik, perangka kurikulum, dan pendidik di semua peringkat menggunakan TIMSS untuk mempelajari tentang jenis kurikulum dan amalan pengajaran yang dikaitkan dengan pencapaian (Preuschoff, 2011). Dalam erti kata lain, pendidik daripada pelbagai latar belakang negara dan budaya yang berbeza boleh menggunakan hasil kajian itu sebagai refleksi kepada kekuatan dan kelemahan sendiri secara perbandingan (Roth et al., 2006). Namun demikian, TIMSS juga menyediakan peluang yang unik bagi sesebuah negara untuk melihat tahap pendidikan dalam konteks yang lebih luas dengan membuat perbandingan terhadap kejayaan negara lain.



Terdapat tiga elemen konseptual utama yang menjadi asas terhadap reka bentuk TIMSS ini. Elemen-elemen ini termasuklah kurikulum yang dicadangkan (peringkat polisi), kurikulum yang dilaksanakan (kurikulum yang dialami pelajar di peringkat sekolah dan bilik darjah) dan kurikulum yang dicapai (kurikulum yang diwakili oleh pencapaian pelajar) (Martin & Mullis, 2006). Melalui mekanisme analisis kurikulum, kajian video, ujian pencapaian, dan soal selidik tentang maklumat latar belakang yang dikumpul daripada pelajar, guru serta pentadbiran sekolah dapat menyediakan suatu peluang unik bagi mengkaji pengajaran sains dan matematik dilaksanakan di lebih 40 buah negara (Roth et al., 2006).

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

### **1.1.1. Kedudukan Malaysia menerusi keputusan TIMSS**

TIMSS sudah disertai oleh Malaysia sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1999, 2003, 2007 dan 2011, tetapi hanya melibatkan pelajar Tingkatan Dua yang dipilih secara rawak dari 150 buah sekolah. Berdasarkan laporan TIMSS 1999 hingga TIMSS 2011 menunjukkan skor sains pelajar Tingkatan Dua di Malaysia didapati semakin menurun (Jadual 1.0).

Jadual 1.0: Kedudukan dan skor sains TIMSS Malaysia pada tahun 1999, 2003, 2007 dan 2011

Tahun	Kedudukan / Bil negara menyertai TIMMS	Skor
1999	22/38	492
2003	20/50	510
2007	21/60	471
2011	32/45	426
Purata skor		474.75


Sumber: TIMSS 1999 *Technical Report* (Foy et al., 1999), TIMSS 2003 *Technical Report* (Martin, Mullis, & Chrostowski, 2004), TIMSS 2007 *International Science Report* (Martin, Mullis, & Foy, 2008) dan TIMSS 2011 *International Results in Science* (Martin et al., 2012)

Pencapaian pelajar Malaysia dalam TIMSS memperlihatkan penurunan yang ketara iaitu berada di bawah purata skor jika dibandingkan dengan pencapaian pelajar di beberapa negara Asia lain (Singapura, Hongkong, Jepun, Korea, Taiwan, Thailand). Rata-rata skor prestasi sains pelajar dalam TIMSS pada tahun 1999 (Martin et al., 2000), 2003 (Martin, Mullis, Gonzalez, & Chrostowski, 2004), 2007 (Martin et al., 2008) dan 2011 (Martin et al., 2012) secara berturutan adalah 492, 510, 471 dan 426. Dengan skor tersebut pelajar Malaysia berada di kedudukan 22 daripada 38 negara pada tahun 1999, kedudukan 20 daripada 50 negara pada tahun 2003, kedudukan 21 daripada 60 negara pada tahun 2007 dan kedudukan 32 daripada 45 negara pada tahun 2011. Secara keseluruhan, skor sains pelajar Malaysia dalam TIMSS 2007 (Martin et al., 2008) dan TIMSS 2011 (Martin et al., 2012) adalah di bawah skor 500 (aras skor minimum yang disarankan oleh TIMSS) yang dikategorikan sebagai *Low International Benchmark* (Stephen, 2012). Keputusan tersebut, mencerminkan pelajar Malaysia hanya mampu mengingat sesuatu fakta tetapi belum mampu memahami dan mengaitkan dengan pelbagai topik sains, apatah lagi apabila dikaitkan dengan konsep-konsep yang kompleks dan abstrak (Osborne, Simon, & Collins, 2003).

Jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Singapura dalam pencapaian TIMSS, Malaysia adalah jauh ketinggalan (Martin et al., 2012). Penilaian seperti ini adalah penanda aras kepada sistem pendidikan di Malaysia agar dapat memberi peluang kepada negara untuk menyiasat kelemahan dan kekuatan pelajar dengan

merujuk kepada pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran kognitif (Martin & Mullis, 2006).

Penglibatan Malaysia dalam TIMSS bertujuan mendapat maklum balas berkaitan pendidikan sains dan matematik kebangsaan bagi meningkatkan mutu pelaksanaan pendidikan sains dan matematik (Preuschoff, 2011). Pencapaian pelajar dalam TIMSS merupakan antara indikator keberkesanan pendidikan sains dan matematik di Malaysia berbanding dengan negara lain (Roth et al., 2006). Pencapaian Malaysia dalam TIMSS tahun 1999 hingga 2011 bagi sains dan matematik Tingkatan 2 ditunjukkan dalam Rajah 1.0.



Rajah 1.0: Pencapaian Malaysia dalam TIMSS

Sumber : TIMSS 1999 *Technical Report* (Foy et al., 1999), TIMSS 2003 *Technical Report* (Martin, Mullis, & Chrostowski, 2004), TIMSS 2007 *International Science Report* (Martin et al., 2008) dan TIMSS 2011 *International Results in Science* (Martin et al., 2012).

Secara keseluruhannya pencapaian Malaysia dalam TIMSS adalah membimbangkan. Walaupun skor Malaysia bagi sains meningkat pada tahun 2003 tetapi terus menurun sehingga 2011. Skor Malaysia berada di bawah skor purata TIMSS selepas tahun 2003. Keadaan ini menjadi suatu penggera untuk

mempertingkatkan pencapaian murid Malaysia dalam pendidikan sains (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013). Pencapaian negara dalam TIMSS dan PISA (*Programme for International Student Assessment*) mempengaruhi kedudukan negara dalam “*ranking*” antarabangsa yang sering digunakan sebagai satu indikator kualiti sistem pendidikan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013). Menyedari kepentingan pencapaian dalam TIMSS, maka salah satu petunjuk prestasi utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah untuk memastikan Malaysia mencapai sekurang-kurangnya skor purata TIMSS menjelang tahun 2015 dan pada satu pertiga teratas menjelang tahun 2025.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

TIMSS dianggap sebagai penanda aras sesebuah negara dalam pencapaian matematik dan sains pelajar, namun TIMSS sebenarnya mempunyai matlamat utama untuk membantu pembuat dasar dan pengamal pendidikan dengan menyalurkan informasi mengenai cara-cara untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (Mullis, Martin, Minnich, et al., 2012). Bagi merealisasikan matlamat ini, TIMSS mengumpul pelbagai jenis maklumat latar belakang daripada para pelajar, ibu bapa, guru dan pentadbiran sekolah melalui soal selidik (Martin & Mullis, 2006).

Pengumpulan maklumat melalui pentadbiran soal selidik TIMSS dalam konteks rumah adalah penglibatan ibu bapa manakala konteks sekolah merujuk kepada disiplin sekolah dan konteks bilik darjah pula merujuk kepada sikap pelajar terhadap sains (Martin & Mullis, 2006). Ketiga-tiga konteks ini adalah penting kerana banyak kajian lepas menyebut bahawa ketiga-tiga variabel dalam konteks berkenaan berpotensi menyumbang kepada pencapaian pelajar (Preuschoff, 2011).

Dalam konteks rumah, penglibatan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kejayaan akademik anak-anak mereka sama ada di rumah mahupun di sekolah (Domina, 2005; Jeynes, 2005; Olatoye & Ogunkola, 2008). Walaupun terdapat bukti tentang nilai penglibatan ibu bapa, namun terlalu ramai ibu bapa masih kekurangan maklumat yang secukupnya tentang persekolahan anak-anak mereka (Gianzero, 1999). Tidak banyak diketahui tentang mengapa ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka ketika di sekolah menengah (Christenson & Sheridan, 2003; Christenson, 2004; Susan, Lisa, Carolyn, James, & Kevin, 2010) berbanding sekolah rendah (Arnold, Zeljo, Doctoroff, & Ortiz, 2008). Di Malaysia, ibu bapa didapati kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka ketika di sekolah menengah (Ismail, 2001; Mohd Sahid, Mustaffa, & Ahmad, 2008; Yahaya, Yahaya, & Bahari, 2004). Didapati juga kajian mengenai penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di negara-negara membangun adalah sedikit dan mungkin memberikan sumbangan yang berbeza (Martin & Mullis, 2013). Kebanyakan laporan penyelidikan berkaitan topik ini datang dari negara-negara maju (Jeynes, 2005).

Dalam konteks sekolah, disiplin sekolah dikaitkan sebagai salah satu faktor penting yang berkaitan dengan pencapaian pelajar (Hattie, 2009; Scheerens, 2005; Wang, Haertel, & Walberg, 1993). Walau bagaimanapun, wujud perbezaan ketara mengenai disiplin murid pada masa kini dan tahun sebelum 2000 (Bowen, 2012). Menurut maklumat yang diperolehi, statistik salah laku disiplin murid yang direkodkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) dalam tempoh 5 tahun (2008 hingga 2012) melibatkan sejumlah 107,191 orang yang merangkumi 10 jenis kesalahan. Laporan tersebut berpandukan kepada sumber kementerian mengenai

salah laku disiplin pelajar yang merangkumi penglibatan pelajar dalam jenayah, berkelakuan buruk, ponteng kelas, pornografi dan vandalisme. Lebih membimbangkan, 73.09 peratus merupakan pelajar sekolah menengah yang akan menduduki peperiksaan penting beberapa tahun selepas itu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Penyelidik seperti Noran Fauziah (2004), menyatakan bilik darjah tidak lagi selamat kepada pelajar. Kajian beliau menunjukkan salah satu salah laku disiplin yang kerap berlaku di sekolah ialah kegiatan membuli (Fauziah, 2004). Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pencapaian sains pelajar Tingkatan Dua di sekolah menengah di Malaysia yang dipengaruhi oleh faktor disiplin sekolah.

Dalam konteks bilik darjah, sikap pelajar dilihat menjadi sebagai faktor penyumbang terhadap pencapaian sains pelajar (Ali & Awan, 2013; Dhindsa & Chung, 2003; Ferreira, 2003; Freedman, 1997; Mattern & Schau, 2002; Osborne et al., 2003; Shah, Mahmood, & Harrison, 2013; Simpson & Oliver, 1990). Sikap positif terhadap sesuatu mata pelajaran di sekolah harus menjadi matlamat pembelajaran yang utama (Papanastasiou & Zembylas, 2004). Lantaran itu, adalah mungkin seseorang pelajar yang berasa sangat positif tentang sains akan mencapai tahap yang lebih tinggi daripada pelajar yang mempunyai sikap negatif terhadap sains (Osborne et al., 2003). Namun, terdapat juga beberapa kajian yang mendapati penurunan minat pelajar terhadap sains (Bakar, 2012; Barmby, Kind, & Jones, 2008; Kamarudin, Isa, & Naim, 2010; Osman, Iksan, & Halim, 2007). Pelajar merasakan mata pelajaran sains adalah sukar untuk difahami (Bakar, 2012; Kamarudin et al., 2010) dan membosankan (Barmby *et al.*, 2008). Selain itu, pelajar juga bertanggungjawab bahawa mata pelajaran sains yang bukan hanya membosankan tetapi terlalu abstrak

(Osman et al., 2007). Sikap bosan yang ditunjukkan pelajar terhadap mata pelajaran sains menggambarkan sikap yang negatif. Walaupun begitu, adakah sikap negatif ini mencerminkan pencapaian sains pelajar? Ringkasnya, sikap yang ditunjukkan oleh pelajar terhadap sains adalah negatif atau rendah dan perkara ini dijadikan alasan untuk tidak mengikuti pengajian dalam bidang sains (Barmby et al., 2008; Osman et al., 2007).

Keputusan pencapaian TIMSS menyediakan peluang terbaik untuk menggambarkan hasil pembelajaran matematik dan sains pelajar Tingkatan Dua mengikut jantina (Martin & Mullis, 2013). Namun, masih terdapat jurang perbezaan jantina ditemui oleh kajian sebelum ini terhadap skor pencapaian sains pelajar di sekolah menengah (Good, Woodzicka, & Wingfield, 2010; Sanchez & Wiley, 2010). Kajian di barat mendapati pelajar lelaki masih mengatasi (*outperformed*) prestasi pelajar perempuan dalam penilaian di sekolah menengah (Campbell, 2001). Kajian di peringkat antarabangsa seperti penilaian TIMSS menunjukkan pencapaian sains pelajar lelaki lebih baik daripada pelajar perempuan. Namun, pada penilaian TIMSS 2007 dan 2011 menunjukkan pencapaian sains pelajar perempuan lebih baik daripada pelajar lelaki. Di Malaysia, didapati pencapaian sains pelajar perempuan lebih baik daripada pelajar lelaki dalam peperiksaan awam, kecuali bagi mata pelajaran yang bersifat teknikal dan praktikal, seperti mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan dan Teknikal Kejuruteraan (Mohd Jelas, Rahman, Baki, & Ahmad, 2005). Kajian oleh penyelidik di negara luar juga menunjukkan pelajar lelaki menguasai sains fizikal manakala sains hayat atau kehidupan dikuasai oleh pelajar perempuan (Barmby et al., 2008; Jones, Howe, & Rua, 2000). Pelajar lelaki juga mempunyai kecekapan dan mendominasi aktiviti eksperimen sains berbanding pelajar perempuan (Samsudin,

Md. Zain, & Ismail, 2002). Namun, pencapaian pelajar lelaki terhadap sains semakin merosot (George, 2006). Oleh itu, kajian terhadap kesamaratan jantina adalah penting untuk melihat kekuatan hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian sains antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Walaupun kajian-kajian lepas memperlihatkan bahawa faktor penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap terhadap sains merupakan faktor penyumbang kepada pencapaian sains pelajar, namun kajian tersebut dilakukan secara berasingan (Dhindsa & Chung, 2003; Domina, 2005; Ma & Willms, 2004). Justeru, perbandingan kekuatan perhubungan antara variabel-variabel tidak boleh dilakukan antara faktor-faktor berkenaan (MacCallum & Austin, 2000). Oleh yang demikian, bagi membolehkan perbandingan dilakukan antara kumpulan jantina, maka adalah wajar untuk memasukkan faktor-faktor berkenaan dalam satu model (Cho, 2003). Selain itu, kurangnya kajian-kajian lepas yang mengkaji berkenaan dengan faktor-faktor penyumbang pencapaian sains TIMSS di Malaysia dan tiada kajian yang menggunakan analisis pemodelan persamaan struktural (SEM). Dalam kajian ini, faktor-faktor seperti penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap terhadap sains dikategorikan sebagai variabel pendam (*latent variable*) digunakan bagi mengenalpasti pengaruhnya terhadap pencapaian sains pelajar.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk;

- i. Menguji model yang mengandungi perhubungan-perhubungan antara variabel penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap sains terhadap pencapaian sains pelajar.



- ii. Menguji sama ada wujud perbezaan antara lelaki dan perempuan dari aspek kekuatan hubungan antara variabel penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap sains terhadap pencapaian sains pelajar dalam model kajian.


#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini berusaha untuk menjawab persoalan hubungan berikut:

- i. Adakah terdapat perhubungan positif yang signifikan antara variabel penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap sains terhadap pencapaian sains pelajar?
- ii. Adakah terdapat perhubungan antara lelaki dan perempuan bagi model yang mengandungi perhubungan antara variabel penglibatan ibu bapa, disiplin iklim sekolah dan sikap sains terhadap pencapaian sains pelajar?

#### **1.5 Model yang dihipotesiskan**

Bagi menjawab persoalan kajian, persoalan kajian dijawab menerusi pengujian model yang menghubungkan antara variabel penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap terhadap sains seperti yang diadaptasi daripada kajian (Papanastasiou & Papanastasiou, 2006).



Rajah 1.1: Model yang dihipotesiskan

Model yang dihipotesiskan (Rajah 1.1) menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dengan anak pada persekitaran rumah membawa nilai yang lebih bermakna terhadap pembelajaran pelajar serta memperlihatkan kesan positif ke atas sikap pelajar terhadap sains (Papanastasiou & Papanastasiou, 2004). Kajian sebelum ini mendokumenkan faktor penglibatan ibu bapa sebagai memberi kesan secara positif terhadap pencapaian sains pelajar (Desforges & Abouchaar, 2003; Ibrahim, Jamil, & Abdullah, 2012). Oleh yang demikian, salah satu hipotesis yang diuji dalam model adalah seperti berikut.

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan positif antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian sains.

H<sub>2</sub>: Terdapat hubungan positif antara penglibatan ibu bapa dengan sikap terhadap sains.

Model ini menguji sama ada faktor disiplin sekolah mempengaruhi sikap pelajar dan juga memberi kesan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung terhadap pencapaian sains pelajar. Beberapa kajian lepas mendapati bahawa faktor disiplin sekolah adalah signifikan serta besar kesannya ke atas pencapaian pelajar (Arum & Velez, 2012; Figlio, 2007; Frempong, Ma, & Mensah, 2012; Marks, 2010; Teodorovi, 2011). Kendziora & Osher (2009) melaporkan masalah disiplin pelajar menyebabkan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah terganggu serta mereka tidak berminat untuk belajar. Pelajar memainkan peranan utama dalam mengatasi masalah disiplin sekolah dan sekiranya pelajar tidak mengubah sikap mereka ke arah positif (Arnold, Newman, Gaddy, & Dean, 2005) maka pencapaian akademik pelajar akan terjejas (Conoley & Goldstein, 2004). Oleh yang demikian, salah satu hipotesis yang diuji dalam model adalah seperti berikut.

H<sub>3</sub> : Terdapat hubungan positif antara disiplin sekolah dengan pencapaian sains.

H<sub>4</sub> : Terdapat hubungan positif antara disiplin sekolah dengan sikap terhadap sains.

Sikap terhadap sains adalah salah satu faktor yang menjadi kebimbangan utama dalam pendidikan sains kerana berkait rapat dengan pencapaian akademik (Osborne et al., 2003; Zhang & Campbell, 2011). Beberapa penemuan lain menyokong dapatan bahawa sikap terhadap sains dipengaruhi oleh beberapa faktor misalnya, penglibatan ibu bapa (Oluwatelure & Oloruntegbe, 2010), disiplin sekolah (Hoffman, Hutchinson, & Reiss, 2009), dan pencapaian dalam sains (Sua, 2007). Oleh itu, model ini memperlihatkan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap terhadap

sains dan seterusnya memberi kesan terhadap pencapaian sains pelajar. Oleh yang demikian, salah satu hipotesis yang diuji dalam model adalah seperti berikut.

H<sub>5</sub> : Terdapat hubungan positif antara sikap terhadap sains dengan pencapaian sains.

## **1.6 Rasional Kajian**

Model kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk menguji model yang menunjukkan kesan faktor pengaruh latarbelakang pelajar yang mempengaruhi pencapaian sains pelajar sekolah menengah di Malaysia dengan menggunakan data TIMSS 2011. Dalam kajian ini, faktor-faktor seperti penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap terhadap sains dikategorikan sebagai variabel pendam (*latent variable*) digunakan bagi mengenalpasti pengaruhnya terhadap pencapaian sains pelajar.

Kebanyakan penyelidik dari negara-negara luar seperti Korea (Cho, 2004), Turki (Akıllı, 2015; Özdemir, 2003), Norway (Nilsen & Gustafsson, 2014), Sweden (Rosén, Gustafsson, & Hansen, 2013), Iran (Kiamanesh & Mohsenpour, 2008), Arab Saudi (Tighezza, 2014) dan Taiwan (Chen, Lin, Wang, Lin, & Kao, 2012; Hui, 2014) menggunakan pemodelan persamaan struktural (SEM) bagi menganggarkan kekuatan perhubungan faktor-faktor penyumbang pencapaian TIMSS di sesebuah negara. Perhubungan model kajian dibentuk adalah untuk memeriksa sama ada pemodelan persamaan struktural (SEM) dapat dipadankan dengan data TIMSS 2011 di Malaysia dan pada masa yang sama dapat menilai pelbagai hubungan antara variabel pendam. Di samping itu, perhubungan ini diuji secara serentak dalam bentuk model supaya dapat melihat perbandingan kesan secara langsung hubungan antara

variabel-variabel pendam secara serentak manakala hubungan yang diuji secara berasingan tidak dapat membandingkan hubungan antara variabel lain sekali gus (Tabachnick & Fidell, 2007).

Selain tu, kajian ini turut mengadaptasi permodelan persamaan struktural (SEM) yang digunakan dalam penyelidikan (Papanastasiou et. al., 2006) di Cyprus supaya dapat memberi maklumat berkenaan hubungan antara faktor peringkat pelajar dengan faktor peringkat sekolah terhadap pencapaian sains. Selain itu, dapatan model kajian ini berusaha untuk membolehkan pengajaran dan pembelajaran sains berlaku dengan berkesan, persekitaran pembelajaran dapat disesuaikan dengan matlamat dan strategi pengajaran serta memenuhi keperluan guru dan pelajar (Iksan, Halim, & Osman, 2006). Oleh itu, faktor-faktor seperti penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap terhadap sains adalah penting kerana ia bukan sahaja dapat memberikan maklumat untuk mengukur pencapaian pelajar, tetapi juga memberikan maklumat tentang kecekapan guru dalam menyediakan hasil pembelajaran sains yang positif (Papanastasiou & Papanastasiou, 2004). Dalam masa yang sama, persepsi pelajar terhadap persekitaran pembelajaran juga dapat memberi maklumat berguna untuk meningkatkan kualiti persekitaran pembelajaran.

Hasil dapatan model kajian diharap dapat memberi sumbangan kepada pendidikan sains, apabila guru berusaha mengintegrasikan antara pengetahuan, kemahiran proses sains dan nilai murni dalam pengajaran agar bukan sahaja minat terhadap sains dapat dipertingkatkan malah penguasaan terhadap konsep sains yang betul dapat difahami pelajar (Osman et al., 2007). Seterusnya, hasil dapatan model kajian ini adalah penting bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk

menilai semula dasar dan polisi pendidikan sains di negara agar pencapaian sains pelajar dalam TIMSS yang seterusnya dapat dipertingkatkan seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan adalah untuk menguji model yang menunjukkan pengaruh faktor-faktor peramal yang mempengaruhi pencapaian sains pelajar sekolah menengah di Malaysia dengan menggunakan data TIMSS 2011. Selain itu, kajian turut menggunakan permodelan persamaan struktural (SEM) supaya dapat memberi maklumat berkenaan hubungan antara faktor peringkat pelajar dengan faktor peringkat sekolah terhadap pencapaian sains.

Faktor-faktor pada peringkat pelajar dilihat paling penting yang menyumbang kepada perbezaan pencapaian akademik pelajar. Pada peringkat pelajar ia boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu faktor sikap (misalnya: sikap, disiplin), peribadi (misalnya: jantina), dan latarbelakang keluarga (misalnya: penglibatan ibu bapa, kerja rumah) (Martin & Mullis, 2006). Seterusnya, faktor-faktor pada peringkat sekolah juga turut memberi impak terhadap pencapaian akademik. Pada peringkat sekolah pula ia boleh dikelaskan kepada dua kategori utama iaitu disiplin sekolah (misalnya: sikap pelajar, disiplin pelajar, persekitaran pembelajaran) dan faktor mengikut konteks sekolah, seperti lokasi sekolah, saiz kelas, sumber fizikal (Martin & Mullis, 2006).

Permodelan yang lebih terperinci membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap suasana pengajaran guru dan pembelajaran pelajar serta faktor-

faktor yang mempengaruhinya. Permodelan yang lebih tepat serta berkesan pada peringkat pelajar dan sekolah mampu menyediakan maklumat berharga mengenai proses yang mempengaruhi pencapaian pelajar kepada ibu bapa, pendidik dan penggubal dasar (Roth et al., 2006). Lantarnya, kajian ini diharap dapat menambah nilai kepada kajian sebelum dengan mengisi jurang dalam kesusasteraan serta mengambil kira peranan guru dan pentadbir sekolah sebagai individu yang bertanggungjawab merubah disiplin sekolah.

Hasil daripada kajian ini diharap dapat memberikan wawasan yang lebih baik terhadap kaedah pengajaran guru dan pembelajaran pelajar dalam meningkatkan pencapaian sains pelajar dalam konteks sekolah menengah di Malaysia. Seterusnya, kajian ini dapat menyumbangkan maklumat yang berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memahami dan melaksanakan sumbangan yang signifikan terhadap peranan ibu bapa ketika di persekitaran rumah dan peranan guru serta pelajar di persekitaran sekolah yang memberi kesan kepada sistem pendidikan di negara kita. Hasil dapatan kajian ini juga dapat dijadikan indikator terhadap latihan yang diperlukan oleh guru seperti kaedah pengajaran yang berkesan, pengurusan sumber dan kawalan terhadap disiplin pelajar.

## **1.8 Batasan Kajian**

Analisis data sekunder melibatkan analisis dataset sedia ada yang dikutip oleh penyelidik lain bagi tujuan menjawab soalan penyelidikan yang berbeza berdasarkan data yang diperolehi (Vartanian, 2011). Pengumpulan data asal oleh penyelidik asal dipanggil pengumpulan data utama. Analisis data sekunder digunakan secara meluas oleh penyelidik bagi menjalankan analisis data kuantitatif dan mula digunakan untuk

data kualitatif. Oleh itu, kajian ini turut menggunakan data TIMSS 2011 bagi pelajar Tingkatan 2 sekolah menengah di Malaysia bagi menjawab beberapa persoalan kajian. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dan kelebihan diperolehi dengan menggunakan analisis data sekunder bagi menjalankan kajian terhadap data set yang berskala besar seperti data TIMSS 2011.

Dalam kajian ini, kelemahan yang dilihat dalam menggunakan data sekunder adalah variabel yang dikaji bergantung pada instrumen TIMSS. Ini adalah kerana data yang dikumpul daripada instrumen TIMSS bertujuan menjawab soalan (Martin & Mullis, 2006) yang disediakan oleh IEA. Kedua, sampel saiz kajian TIMSS ditentukan dan diluar kawalan (Vartanian, 2011). Walaupun sumber data sekunder menyediakan maklumat yang banyak dari responden namun ia adalah mustahil untuk mendapatkan maklumat tambahan atau mengambil tindakan susulan daripada responden yang mengambil bahagian dalam kajian TIMSS. Selain itu, kajian ini hanya menggunakan data TIMSS 2011 kerana sumber data ini adalah data terbaru.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak kelebihan menggunakan data sekunder seperti reka bentuk kajian dan pengumpulan data yang lengkap serta dapat menjimatkan masa (Ghauri & Gronhaug, 2010). Kedua, penyelidikan ini juga dapat menjimatkan perbelanjaan daripada segi proses pengumpulan data yang panjang, rangka pensampelan, menjalankan kerja lapangan, penyediaan data dan pembersihan data (Vartanian, 2011). Kos utama dalam menjalankan analisis data sekunder adalah dengan mendapatkan data. Akses kepada data sekunder terhadap data antarabangsa yang berskala besar seperti TIMSS akan mengambil masa yang lama dan menelan belanja yang besar untuk dikumpul secara sendirian. Seterusnya, data sekunder



dalam kajian TIMSS mempunyai kualiti lebih tinggi secara umumnya kerana kajian TIMSS melibatkan sampel yang lebih besar dan mewakili populasi sasaran (Vartanian, 2011). Kini, analisis data sekunder mampu menghasilkan maklumat baru atau mengesahkan penemuan daripada analisis data sebelumnya. Analisis semula data berkemungkinan membawa kepada penemuan baru yang tidak dijangka disebabkan data sekunder mengandungi pelbagai variabel.

## **1.9 Definisi Istilah**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang diguna pakai bagi menerangkan maksud yang sesuai kepada kajian ini. Berikut dijelaskan definisi istilah dan konsep penting yang diguna pakai dalam kajian ini.

### **1.9.1 TIMSS 2011**

TIMSS 2011 adalah suatu penilaian berskala besar dan projek penyelidikan yang dibentuk untuk mengukur tahap pencapaian pelajar gred ke-4 (Tahun Empat) dan gred ke-8 (Tingkatan Dua) dalam pendidikan matematik dan sains di peringkat antarabangsa (Martin & Mullis, 2006). Penilaian ini melibatkan penyertaan lebih daripada 60 buah negara di seluruh dunia (Preuschoff, 2011). TIMSS 2011 dianjurkan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA) yang berkedudukan di Amsterdam, Belanda dan diuruskan oleh *International Study Centre, Lynch School of Education, Boston College* di Amerika Syarikat (Mullis et al., 2009).

### **1.9.2 Penglibatan Ibu Bapa**

Penglibatan ibu bapa biasanya dirujuk sebagai penyertaan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka dengan tujuan menggalakkan kejayaan akademik dan sosial mereka (Fishel & Ramirez, 2005). Penyelidik seperti Jeynes (2007) menyatakan bahawa penyertaan ibu bapa dalam proses pendidikan dan pengalaman anak-anak mereka. Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa merujuk kepada penyertaan ibu bapa dalam membantu anak-anak mereka menyemak kerja sekolah, meluangkan masa untuk kerja sekolah, mengambil berat berkenaan pembelajaran di sekolah dan berbincang tentang kerja sekolah.

### **1.9.3 Disiplin Sekolah**

Disiplin sekolah merujuk kepada penilaian terhadap masalah disiplin pelajar dalam persekitaran sekolah (Ma & Willms, 2004). Penyelidik lain seperti Koth, Bradshaw, & Leaf (2008) berpendapat bahawa disiplin sekolah adalah persepsi terhadap keselamatan di sekolah. Dalam kajian ini, disiplin sekolah membawa maksud suasana keselamatan, keadilan dan insiden disiplin dalam kalangan pelajar di sekolah.

### **1.9.4 Sikap terhadap sains**

Sikap terhadap sains merujuk kepada perasaan, kepercayaan dan nilai-nilai yang dipegang individu mengenai perusahaan sains (Osborne et al., 2003). Bennett (2005) pula menerangkan bahawa sikap terhadap sains merujuk kepada pandangan pelajar yang dibangunkan untuk sains sebagai hasil pengalaman dalam persekitaran yang berbeza dalam bidang pendidikan sains. Dalam kajian ini, sikap terhadap sains merujuk kepada perasaan pelajar tentang sains berdasarkan minat, keseronokkan,

kepentingan, kepercayaan dan pilihan mereka mengenainya sama ada menjadi positif atau negatif.

### **1.9.5 Pencapaian Sains**

Kerlinger (1973) menyatakan pencapaian sains merujuk kepada skor atau gred-gred yang diperolehi atau dicapai oleh murid dalam suatu ujian atau peperiksaan sains. Dalam kajian ini, pencapaian sains yang dimaksudkan adalah keupayaan dan kemampuan murid untuk mendapatkan gred-gred yang baik bagi ujian sains TIMSS 2011 yang diuji.

### **1.10 Rumusan**

Dalam bab pengenalan ini, kajian mendedahkan berkenaan dengan suatu kajian antarabangsa iaitu *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) yang menilai mutu dan pencapaian pelajar dalam pendidikan sains dan matematik. Kemudian, kajian ini juga turut membincangkan beberapa elemen utama seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian dan model yang dihipotesiskan. Selain itu, bab ini turut menggariskan kepentingan dan batasan dalam menjalankan kajian. Seterusnya, definisi istilah turut disediakan bagi memastikan maksud dan kefahaman terhadap keseluruhan kajian dapat difahami.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.0 Pendahuluan**

Matlamat utama kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau faktor yang mempengaruhi pencapaian sains pelajar dalam ujian *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan sekolah menengah di Malaysia. Bab ini membincangkan dengan lebih mendalam mengenai aspek yang berkaitan dengan kajian berdasarkan artikel, jurnal dan bahan-bahan penulisan daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan skop yang dikaji. Faktor-faktor seperti penglibatan ibu bapa, disiplin sekolah dan sikap terhadap sains dikupas untuk memperlihatkan hubungannya dengan pencapaian sains pelajar dalam TIMSS 2011. Dalam bab ini teori-teori asas seperti Teori Ekologi Pembangunan Manusia, Teori Pembelajaran Sosial dan Teori Skema Jantina yang mendasari kajian turut dibincangkan secara terperinci bagi memberi penjelasan menyeluruh terhadap kajian yang dilaksanakan. Pada pengakhiran bab ini, suatu kerangka konsep dibina berdasarkan teori-teori dan model yang dihipotesiskan.

#### **2.1 TIMSS (*Trends in International Mathematics and Science Study*)**

TIMSS ialah pentaksiran antarabangsa berasaskan kurikulum Sains dan Matematik di sekolah seluruh dunia. TIMSS mentaksir pelajar Gred ke-4 (Tahun 4) dan pelajar Gred ke-8 (Tingkatan 2) dalam dua aspek, iaitu domain kandungan seperti biologi, kimia, fizik dan sains bumi manakala domain kognitif melibatkan proses berfikir seperti mengetahui (*knowing*), mengaplikasi (*applying*) dan penaakulan (*reasoning*) (Mullis et al., 2009). Ujian TIMSS mula dijalankan pada

tahun 1995. Hari ini, lebih 59 buah negara mengambil bahagian dalam pentaksiran TIMSS yang dijalankan setiap empat tahun. Malaysia mengambil bahagian dalam TIMSS sejak tahun 1999 dan hanya melibatkan pelajar Tingkatan Dua.

Sejak dari tahun 1959, IEA (*The International Association for the Evaluation of Educational Achievement*) mengendalikan lebih daripada 16 kajian perbandingan antarabangsa yang bertujuan untuk menyediakan pembuat dasar, pendidik, penyelidik dan pengamal pendidikan di semua peringkat dengan maklumat mengenai pencapaian pendidikan dalam pelbagai subjek dan dalam konteks pembelajaran berlaku di seluruh dunia (Preuschoff, 2011). Perubahan ini dijangka berakhir sejak beberapa dekad yang lalu apabila melihat kajian seperti TIMSS mengambil makna yang baru. Dalam kajian TIMSS, setiap negara perlu mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan, seperti pelaksanaan ujian, penggunaan ujian, soal selidik, penentuan populasi dan sampel, pengurusan, analisis data dan kawalan kualiti (Martin & Mullis, 2006). Bagi setiap tahun pusingan kajian, pembangunan ujian dan soal selidik dibangunkan di Boston College, Boston-Amerika Syarikat manakala persampelan sekolah pula ditentukan oleh Statistik Kanada di Ottawa-Kanada kemudian pemprosesan data tersebut dilakukan di Pusat Pemprosesan Data, Hamburg-Jerman (Gonzalez, Smith, Kelly, Martin, & Foy, 1997).

Dalam tahun 1990-an, TIMSS yang di kendalikan oleh IEA berkembang ke era baru dengan menarik lebih banyak negara untuk menyertainya. TIMSS yang pertama dianjurkan pada tahun 1995 disertai oleh 40 negara untuk menilai prestasi pelajar gred 4 dan gred 8 pada tahun akhir persekolahan (Howie & Plomp, 2006). Selain itu, soal selidik pelajar direka untuk mengumpul maklumat mengenai latar

belakang pelajar, sikap, kepercayaan yang berkaitan dengan persekolahan dan pembelajaran serta maklumat mengenai pengalaman bilik darjah mereka (Foy & Joncas, 2000). Soal selidik guru dan soal selidik sekolah merangkumi jadual pengajaran guru, isi kandungan matematik dan sains, dasar sekolah, latar belakang pendidikan guru dan persediaan guru (Foy & Joncas, 2000). Berdasarkan kejayaan TIMSS 1995 ianya diteruskan pada tahun 1999.

Pada tahun 1999, TIMSS-R diulang di 38 buah negara tidak termasuk Malaysia. TIMSS-R (1999) disertai kira-kira 500,000 pelajar, lebih daripada 50,000 guru Matematik dan Sains, dan lebih daripada 12,000 pengetua sekolah (Foy et al., 1999). TIMSS 1999 berusaha untuk membangunkan indeks latar belakang yang berkaitan dengan pencapaian, kebanyakannya dalam bidang ketersediaan sumber, iklim sekolah, dan sikap pelajar (Foy et al., 1999). Indeks latar belakang pelajar dikategorikan kepada tinggi, sederhana, atau rendah berdasarkan jawapan mereka dalam ujian TIMSS. Kategori tinggi ditakrifkan dari segi tindak balas ciri persekitaran pembelajaran yang paling efektif (mempunyai pelbagai sumber, iklim sekolah yang selamat, atau sikap yang paling positif). Kategori rendah ditakrifkan dari segi tindak balas ciri persekitaran pembelajaran yang kurang efektif dan kategori sederhana pula merujuk kepada ciri persekitaran pembelajaran berada di antara kategori tinggi dan sederhana (Preuschoff, 2011). Laporan antarabangsa menunjukkan peratusan pelajar kategori yang tinggi, sederhana dan rendah bersama-sama dengan min pencapaian mereka bagi setiap negara peserta. Hubungan antara indeks latarbelakang pelajar dengan pencapaian pelajar dapat dilihat dari segi min bagi kategori yang tinggi, sederhana dan rendah bagi setiap negara. Indeks ini meningkat setiap kali penilaian TIMSS dianjurkan.

## BIBLIOGRAFI

- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1977). Attitude-behavior relations: A theoretical analysis and review of empirical research. *Psychological Bulletin*. Retrieved from <http://psycnet.apa.org/journals/bul/84/5/888/>
- Akaike, H. (1981). Likelihood of a model and information criteria. *Journal of Econometrics*, 16(1), 3–14. [http://doi.org/10.1016/0304-4076\(81\)90071-3](http://doi.org/10.1016/0304-4076(81)90071-3)
- Akaike, H. (1987). Factor analysis and AIC. *Psychometrika*, 52(3), 317–332. <http://doi.org/10.1007/BF02294359>
- Akilli, M. (2015). Regression Levels of Selected Affective Factors on Science Achievement: a Structural Equation Model with TIMSS 2011 Data. *Electronic Journal of Science Education*, 19(1), 1–16.
- Akindede, N. (2012). Reading Culture , Parental Involvement and Children ' s Development in Formative Years : The Covenant University Experience. *Library Philosophy and Practice (e-Journal)*, 1–21.
